



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN TIADA GUNA  
STRAW PLASTIK

### **OLEH**

YANG BERHORMAT TUAN PHEE BOON POH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU  
PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA  
KEBAJIKAN, MASYARAKAT PENYAYANG DAN ALAM  
SEKITAR**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**24 DISEMBER 2018 (ISNIN)**  
**9.30 PAGI**

**AUTO CITY  
JURU  
SEBERANG PERAI TENGAH**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang  
Dan Alam Sekitar

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Encik Gary Teoh Kiang-Hong**

Managing Director

Auto-City Group Penang

**Puan Billy Ong Bee Lee**

Pengarah

Golden Highway Auto-City Sdn. Bhd.

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Kempen Tiada Guna Straw Plastik yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan kakitangan-kakitangan MPSP yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi yang berbahagia ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih di Malaysia dan di rantau ASEAN serta mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat.

Berteraskan kepada impian ini, pelbagai dasar telah dilaksanakan bagi memelihara, memulihara serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang:-

- I. Pada 6 Julai 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan kempen “*Hari Tanpa Beg Plastik*” pada setiap hari Isnin, yang menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang pertama dalam sejarah Malaysia untuk melancarkan satu kempen di seluruh negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Setiap individu kini boleh menyumbang ke arah mengurangkan kesan tapak kaki karbon (*carbon footprint*) supaya alam sekitar dapat dipelihara dan dipulihara untuk generasi yang akan datang. Dalam masa empat bulan sahaja, Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan penggunaan lebih daripada 1 juta beg plastik. Susulan itu, insiatif tersebut kemudian telah dilanjutkan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari 2010. Manakala mulai 1 Januari 2011 pula, ianya dilaksanakan pada setiap hari. Dalam usaha mempromosikan Sisa Sifar (*Zero Waste*), Pulau Pinang telah melarang penggunaan kotak dan pinggan mangkuk polisterin dalam semua majlis rasmi negeri pada tahun 2009.
  
- II. Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung

serta memanjangkan hayat tapak pelupusan. Dasar Pengasingan Sisa di Punca berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dengan tumpuan diberikan dalam pelaksanaan program-program pendidikan dan kesedaran kepada penduduk Seberang Perai. Pada 1 Jun 2017, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan dengan penguatkuasaan di kawasan harta bersama atau strata. Penguatkuasaan mula dikembangkan di kawasan komersial mulai 1 Januari 2018. Dasar ini akan diperluaskan pemakaianya ke premis kediaman bertanah mulai 1 Januari 2019.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka mengikut komposisi sisa pepejal iaitu sisa kitar semula (kertas, plastic, kaca, tin aluminium / besi / logam) dan sisa baki (sampah kotor dan sisa makanan) sebelum dilupuskan. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri telah berjaya mempertingkatkan sistem dan kaedah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negeri kepada satu sistem yang lebih teratur, mampan dan maju dan setanding dengan bandar-bandar antarabangsa maju lain.

MPSP menyokong penuh dan amat komited dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal dengan sempurna dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca. Dasar ini telah membantu dalam meningkatkan lagi kadar kitar semula Seberang Perai yang telah mencatat 38% pada tahun 2016 dan telah meningkat kepada 43% pada tahun 2017 dan seterusnya mensasarkan untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022.

MPSP telah sekian lama mengambil langkah-langkah bagi memperkasakan kempen kitar semula dengan mengadakan aktiviti-aktiviti melalui Program LA21 seperti:-

- i. Anugerah Komuniti Mampan
- ii. Anugerah Sekolah Hijau
- iii. Anugerah Kitar Semula Sekolah F&N
- iv. Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
- v. Pengkomposan
- vi. Program Sisa Sifar Sekolah
- vii. Program Sisa Sifar Komuniti
- viii. Program *Upcycle*
- ix. Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai

- x. Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah Tadika
- xi. Pengumpulan Kotak Minuman
- xii. Membuat Cecair BIM “Mikroorganisma Tempatan Berfaedah (dari kulit buah-buahan)
- xiii. Bengkel Sekolah Hijau

Di samping itu, sebanyak 69 pusat kitar semula di di kawasan perkampungan dan taman perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai untuk menjalankan aktiviti kitar semula. Bagi tahun 2018 sehingga Oktober 2018, sebanyak 174,383.554 tan barang kitar semula telah dikutip dari seluruh kawasan Seberang Perai. Dan dari jumlah ini, 186.937 tan adalah daripada pusat-pusat kitar semula.

MPSP juga menganjurkan Karnival *Upcycle* untuk mempromosikan produk *Upcycle* kepada orang ramai di tempat-tempat seperti:-

- i. Karnival *Upcycle* di Autocity, Juru pada hari Sabtu pertama setiap bulan;
- ii. Growth Market di Autocity, Juru pada hari Ahad kedua setiap bulan; dan
- iii. Kanival 8R di Pasar Awam Kota Permai pada hari Ahad keempat setiap bulan

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula telah memberi penekanan kepada pengurangan penggunaan plastik dengan melaksanakan inisiatif hijau “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” (*No To Single-Use Plastic*) mulai 1 Januari 2019 secara berfasa yang akan dimulakan dengan polisi *No to Plastic Straw*.

Tujuan pelaksanaan Program “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” adalah untuk mengurangkan impak pencemaran dan masalah buangan sampah yang disebabkan oleh penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik dan straw minuman.

Menurut kajian journal akademik *Science*, Malaysia menduduki tempat kelapan di dunia sebagai negara yang menghasilkan sisa plastik yang banyak. Adalah dianggarkan Malaysia menghasilkan hampir satu juta tan sisa plastik pada tahun 2010, di mana 0.14 hingga 0.37 juta tan berkemungkinan telah dihanyutkan atau mengalir keluar ke sungai dan laut.

MPSP memohon kerjasama semua pihak yang terlibat sama ada pengusaha gerai makanan, orang awam, pihak swasta dan lain-lain dapat memberikan kerjasama bagi menjayakan inisiatif ini. MPSP menyokong

penuh inisiatif hijau Kerajaan Negeri ini dan telahpun menetapkan tiada lagi penggunaan cawan atau bekas plastik pakai buang dalam semua mesyuarat dan program anjuran MPSP sejak bulan Julai 2018. Kakitangan adalah digalakkan membawa bekas minuman sendiri ke mesyuarat atau program-program anjuran MPSP.

Di samping itu, sebagai sokongan, Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh dan Kerajaan Negeri juga telah menyediakan 391 thermos tahan karat (*stainless steel*) kepada Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Serta Pegawai Kumpulan B Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menggalakkan mereka menggunakan bekas air sendiri (*Bring Your Own Mug*) . *Paradigm Shift* begini akan menjimatkan lagi perbelanjaan di samping membantu dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Saya amat berharap inisiatif hijau sebegini dapat diteladani oleh warga Seberang Perai dan diterapkan dalam aktiviti sehari-hari. Penduduk-penduduk Seberang Perai adalah digalakkan untuk mencari alternatif lain bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti membawa bekas minuman sendiri dan sentiasa membawa beg yang boleh diguna semula semasa membeli belah.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Autocity merupakan organisasi pertama di Seberang Perai yang mengadakan Program Tiada Guna Straw Plastik di semua 37 premis perniagaan (makanan) di kawasan Auto City, Juru. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Auto City, terutamanya Encik Gary Teoh dan Pn Billy Ong kerana berusaha gigih bagi menjayakan kempen ini. Ini adalah satu amalan yang baik untuk dicontohi. Tujuan Program Tiada Guna Straw Plastik ialah langkah mitigasi bagi meminimumkan penggunaan plastik dan sekaligus melindungi alam sekitar dari pencemaran.

Auto City memang terkenal dengan inisiatif hijau seperti pengkomposan, kebun sayur organik dan guna semula air cucian bagi menyembur pokok landskap. Banyak pelawat tempatan, dalam dan luar negara telah mengunjungi Auto City bagi mempelajari inisiatif hijau. Pada 19 dan 26 Oktober 2018 pegawai-pegawai *Climate and Clean Air Coalition* (CCAC) telah meninjau aktiviti-aktiviti penghijauan dan mereka amat tertarik dan gembira dengan inisiatif yang diamalkan oleh Auto City. Mereka telah mencadangkan agar pengiktirafan dan penghargaan diberikan kepada kesemua 37 premis perniagaan (makanan) yang mengamalkan

pengasingan sisa organik sejak tahun 2014. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada kesemua premis tersebut.

Pada hari ini Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh sudi hadir bagi menyampaikan sijil penghargaan dengan logo CCAC. Memandangkan Auto City telah berjaya melaksanakan initiatif hijau, adalah disyorkan autocity menjadi *Centre of Excellence* bagi latihan komuniti mengenai kebun kejiran dan pengkomposan

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sekali lagi saya menyeru marilah kita sama-sama menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Dasar "**No Single Used Plastic**" yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 bagi memastikan anak-anak dan cucu-cucu kita mewarisi alam sekitar dan bumi dalam keadaan yang elok daripada kita.

**"Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan"** atau **"Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow"** dapat direalisasikan sekiranya semua masyarakat, dalam hal ini Warga MPSP memainkan peranan masing-masing dengan sebaiknya. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program pada pagi ini khususnya kepada Yang

Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPSP dan semua hadirin dan hadirat.  
*sekalian*

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**